

Makan Malam bersama Industri

- UniMAP Meterai MOU Kukuhkan Hubungan Industri



Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menandatangani satu perjanjian persefahaman dengan syarikat perkhidmatan minyak dan gas Romstar Sdn Bhd (Romstar) dalam langkah mengukuhkan hubungan baik antara industri.

Romstar adalah sebuah syarikat yang menyediakan perkhidmatan pengujian dan pentauliahan talian paip bagi industri minyak dan gas serta penjaan tenaga. Melalui perjanjian persefahaman ini, UniMAP dan Romstar berkongsi kepakaran menerusi usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam membangunkan sistem perpaipan pintar bagi kegunaan industri. Empat pusat pengajian UniMAP terlibat dalam penyelidikan ini iaitu Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan, Kilang Mengajar dan Pusat Kejuruteraan.

Naib Canselor UniMAP Brig Jen Dato' Prof Dr Kamarudin Hussin dalam ucapannya pada majlis itu berkata, universiti itu mempunyai matlamat untuk menghasilkan graduan yang bersedia memasuki alam pekerjaan.

Terdahulu, pada majlis yang sama UniMAP meraikan syarikat-syarikat yang terlibat secara langsung dalam memberikan sokongan dan peluang latihan amali kepada pelajar kejuruteraan universiti itu.

Seramai 800 pelajar UniMAP yang terdiri daripada pelajar semester akhir bidang kejuruteraan dan wakil industri menghadiri majlis diadakan bagi Zon II di Dewan Perdana Felda, Kuala Lumpur. Selain itu, majlis yang sama telah diadakan bagi Zon Utara di Pulau Pinang pada 17 April 2009.